

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**  
**BILANGAN 5/1977**

---

**PROCEDUR UNTUK TINDAKAN MENURUT SEKSYEN 381  
KANUN TANAH NEGARA.**

---

Menurut peruntukan Seksyen 381 Kanun Tanah Negara kuasa adalah diberi kepada 'Register' untuk memotong syarat nyata atau sekatan yang didapati 'Obsolete' di dalam Suratan Hakmilik.

2. Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri, Selangor telah memberi pandangan:

- i) Pada pendapat saya 'Registrar' boleh mengambil tindakan memotong syarat-syarat yang tiada boleh dipakai lagi ini (obsolete condition) daripada Suratan Hakmilik yang berkenaan. Tetapi kegunaan kuasa ini hanya patut dijalankan apabila Suratan-Suratan Hakmilik itu dihantar kepadanya oleh Pengarah Tanah dan Galian berhubung dengan sesuatu permohonan di bawah Seksyen 136 dan pada pandangan saya tiadalah wajar bagi 'Registrar' itu sendiri membuat semakan am bagi membetulkan syarat-syarat obsolete ini.
- ii ) Tindakan di bawah Seksyen 124 (1) (b) juga boleh diambil.

3. Pendaftar dan Pemungut-Pemungut hendaklah memgambil perhatian berat di atas nasihat yang diberi di perenggan 2 di atas.

T.T  
**(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR

PTG.SEL. SULIT 0.117/76(3)

SHAH ALAM  
23HB JUN 1977